



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29/12/2010

Industri pengeluaran kereta ketujuh terbesar di dunia – Dr. Mahathir

Proton disaran tembusi India

NEW DELHI 28 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengeluar kereta nasional, Proton Holdings Bhd. (Proton) seharusnya memanfaatkan pengeluaran kos rendah India bagi menembusi pasaran automobil negara itu yang semakin berkembang.

Sektor automobil India semakin mendapat perhatian peserta industri dunia, yang mahu memanfaatkan permintaan yang bertambah di negara itu untuk model luar dan kos

pengeluaran yang lebih rendah.

"Sekarang ini terdapat skop bagi Proton untuk datang ke sini kerana kita tidak terikat dengan sebarang syarikat lain (asing). Proton bebas dan boleh datang ke sini," kata Dr Mahathir, yang merupakan Penasihat Proton, kepada *Bernama* di Delhi.

Ia merupakan sektor yang semakin



mendapat perhatian dan berkembang dengan segmen kenderaan penumpang India pada 2010 (April hingga Ogos) menyaksikan 33.88 peratus pertumbuhan berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Industri pengeluaran kereta penumpang dan komersialnya merupakan yang ketujuh terbesar di dunia dengan pengeluaran

tahunan sebanyak 2.6 juta unit pada 2009.

Di Asia, India merupakan pengeksport keempat terbesar bagi kereta penumpang, selepas Jepun, Korea Selatan dan Thailand.

Dr. Mahathir berkata, pembuat kereta negara itu kini melalui penyusunan semula dan apabila siap kelak, ia akan dapat meneroka pasaran India.

Sejak beberapa tahun lepas, Proton berusaha memasuki pasaran In-

dia yang kompetitif, cuba untuk bergabung dengan pengeluar kereta tempatan untuk memperluaskan operasi di rantau Asia Selatan tetapi niaga janji itu gagal dimuktamadkan.

"Proton kini disusun semula dan trend kini ialah kenderaan mesra alam.

Proton sedang sibuk membangunkan kereta hibrid dan elektrik.

"Apabila ia mencapai satu tahap kecekapan, ia mungkin mahu bekerja

di India. Sekiranya kita melabur di sini, kita boleh mengeluarkan kereta di sini, pertamanya melalui pemasangan dan seterusnya pembuatan, apabila kita mencapai suatu jumlahnya.

"Proton saya rasa boleh bersaing dengan kereta lain kerana ia boleh memanfaatkan kos yang rendah (pengeluaran) di India," katanya.

Dr. Mahathir dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah kini dalam lawatan peribadi ke India. - BERNAMA